



KETUA PENGARANG, Meja Berita, Meja Rencana, Meja Pendidikan



Untuk Siaran Segera

KENYATAAN MEDIA

SKMM Sedia RM1 Juta Untuk Kandungan Kreatif MMU Kendali Projek Perintis, Terpilih Kerana Rekod Cemerlang

Cyberjaya, 27hb Julai 2012 – Para pelajar Universiti Multimedia (MMU) kini berpeluang memanfaatkan dana berjumlah RM1 juta yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk membangunkan kandungan kreatif.

Dalam Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani oleh MMU dan SKMM, SKMM telah menyediakan geran berjumlah RM1 juta kepada MMU untuk projek perintis yang dinamakan 'MCMC Grant for Innovative and Creative Contents and Applications' (MaGICCA). Para pelajar termasuk di peringkat pasca ijazah berpeluang menerima dana untuk membangunkan kandungan yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.

“Kami menjangkakan projek-projek di bawah geran ini akan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia secara keseluruhannya,” kata Dato’ Mohamed Sharil Tarmizi, Pengerusi SKMM.

Beliau berkata, “Kami gembira kerana dapat bekerjasama dengan MMU dalam projek ini kerana mereka mempunyai pengalaman dan rekod yang baik dalam bidang ini. Kami sedar pelajar MMU sangat aktif dalam industri khususnya dalam bidang animasi, kesan visual atau CGI. Malah sekumpulan pelajar MMU telah menjadi fenomena di Malaysia dengan menghasilkan watak-watak terkenal seperti Upin dan Ipin dan BoBoiBoy yang juga terkenal di luar negara.”

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Pengerusi MMU, Datuk Dr. Halim Shafie. MMU diwakili oleh Presidennya, Professor Dato’ Dr. Muhamad Rasat Muhamad yang sangat gembira dengan peranan yang bakal dimainkan oleh MMU dalam projek tersebut. Menurut beliau, “MMU telah ditubuhkan 16 tahun lalu khusus untuk tujuan ini, iaitu menghasilkan kandungan yang bermutu tinggi. Kini, kami percaya kami telah melakukan yang terbaik. Kami percaya

bahawa keputusan SKMM untuk memilih kami bagi projek perintis ini membuktikan bahawa pasti ada juga pihak lain yang yakin dengan pencapaian kami. Menerusi MaGICCA, kami akan berusaha dengan lebih gigih untuk memberi inspirasi kepada pelajar supaya mereka terus menghasilkan karya yang mengagumkan, sekaligus membawa industri komunikasi dan multimedia ke suatu tahap yang baru.”

Lebih 20,000 pelajar MMU akan berpeluang untuk memohon geran tersebut. Kakitangan MMU yang sedang menjalankan program pasca ijazah juga layak untuk memohon. Setiap kumpulan pelajar perlu terdiri tidak kurang daripada 3 orang yang majoritinya warganegara Malaysia atau bertaraf penduduk tetap. Projek yang bakal dilaksanakan perlulah mempunyai nilai komersil yang tinggi.

“Kami akan menggiatkan usaha untuk bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk membawa MaGICCA ke IPT seluruh negara. Kami juga merancang untuk menyediakan dana tersebut untuk 5 tahun yang akan datang jika projek perintis ini berjaya,” kata Pengerusi SKMM.

Dana ini selaras dengan matlamat SKMM untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat atau hab global untuk komunikasi, multimedia dan perkhidmatan kandungan serta mempromosi pembangunan dan kemahiran dalam industri seperti ini.

Tamat.

Latarbelakang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Latarbelakang MMU

Universiti Multimedia (MMU) merupakan universiti swasta pertama di Malaysia. Institusi pengajian tinggi ini telah ditubuhkan melalui Universiti Telekom Sdn Bhd (UTSB), anak syarikat milik penuh TM. MMU memenuhi tanggungjawab sosial - mengambil cabaran mendidik generasi akan datang bagi

melahirkan pemimpin-pemimpin negara dan pekerja berpendidikan. Sebagai universiti swasta pertama di Malaysia, MMU merupakan model bagi kejayaan penubuhan universiti swasta di negara ini, membuka laluan bagi pertumbuhan sektor pengajian tinggi swasta. Sebagai sebuah universiti yang berpusat di MSC, MMU juga berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan industri ICT berteknologi tinggi negara, selari dengan model 'Silicon Valley-Stanford' di Amerika Syarikat.

Kini, MMU mempunyai lebih daripada 20,000 pelajar dalam tempoh 16 tahun, MMU telah mencapai pelbagai kejayaan dalam tempoh yang singkat. Universiti ini mempunyai dua kampus, di mana kampus asalnya di bandar bersejarah Melaka, dan kampus di Cyberjaya telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamed. MMU telah menghasilkan 30,523 graduan setakat ini, dan tinjauan terkini menunjukkan bahawa 91% daripada graduan tersebut mendapat tawaran pekerjaan dalam tempoh 6 bulan setelah tamat pengajian. MMU juga mempunyai pelajar antarabangsa seramai hampir 4,000 orang dari 77 buah negara.

MMU telah mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju utama dalam penyelidikan dan pembangunan, dan mengekalkan hubungan yang baik dengan industri melalui kerjasama dan perkongsian penyelidikan. MMU kini memiliki 13 Pusat Penyelidikan. Pusat-pusat ini memberi tumpuan khusus kepada bidang-bidang pengkomputeran, informatik, nanoteknologi, sistem mikro, biometrik, realiti maya, gelombang mikro dan telekomunikasi, kejuruteraan, fotonik, robotik dan perniagaan.

Baru-baru ini, dalam kajian oleh www.topuniversities.com, MMU terletak di tangga ke-194 antara seluruh universiti di Asia. MMU juga diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, melalui penarafan SETARA 2009, sebagai universiti Tahap Cemerlang-5; setakat ini, tiada mana-mana universiti Malaysia yang menduduki peringkat yang lebih tinggi.

Untuk maklumat lanjut tentang MMU, layari <http://www.mmu.edu.my/>

PERTANYAAN:

MCMC	MMU
<p>Pn Rahayu Abdul Aziz Bahagian Komunikasi Korporat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)</p> <p>rahayu.aziz@cmc.gov.my 03-8688 8427</p>	<p>En. Hefni Izzat Unit Komunikasi Korporat Universiti Multimedia</p> <p>hefni.izzat@mmu.edu.my 03-8312 5908</p>